



**IKLAN JAWATAN GURU TABIKA PERPADUAN GRED N11 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI JOHOR**



1. BUTIRAN JAWATAN

1.1	Jawatan	:	Penolong Guru Tabika Perpaduan Gred N11 (Kontrak)
1.2	Gred Jawatan	:	N11
1.3	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
1.4	Taraf Jawatan	:	Kontrak
1.5	Agensi	:	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Johor
1.6	Bilangan Kekosongan	:	Enam Belas (16)
1.7	Tempat Kekosongan	:	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Johor

2. JADUAL GAJI GRED N11 : RM1,216.00 – RM 2,983.00

3. ELAUN :

Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	RM 300.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	RM 95.00
Bantuan Sara Hidup (COLA)- Min	RM 250.00
Max	RM 350.00

4. GANJARAN : 17½% - (Caruman majikan dalam KWSP) x gaji akhir (gaji pokok) x jumlah bulan perkhidmatan ditolak dengan jumlah faedah syer kerajaan (majikan) di dalam KWSP bagi tempoh bulan perkhidmatan dengan syarat pegawai menyempurnakan perkhidmatan kontrak ini dengan memuaskan.

5. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 5.1 Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 5.2 Calon lantikan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - 5.2.1. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00) atau
 - 5.2.2. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [Kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,262.15)
- 5.3 Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya **Gred C dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Gred D bagi empat (4) matapelajaran lain** termasuk Matematik di peringkat PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 5.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya **Gred C dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Gred E bagi empat (4) matapelajaran lain** termasuk Matematik pada peringkat PT3 atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. DESKRIPSI TUGAS:

- 6.1) Bertanggungjawab membantu menguruskan hal ehwal pentadbiran di Tabika.
- 6.2) Melaksanakan tugas membantu dalam mengurus rekod, dokumentasi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak.
- 6.3) Menyediakan makan dan minum kanak-kanak.
- 6.4) Mengendalikan urusan perakaunan Kelas Tabika.

7. CARA MEMOHON :

- 7.1) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di mana-mana Pejabat di Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri dan semua Daerah serta laman web rasmi JPNIN.
- 7.2) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan atau yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing – masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21; dan
- 7.3) Borang permohonan yang lengkap berserta **gambar berukuran passport** hendaklah dikepilkan bersama-sama **salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan sijil-sijil kelulusan akademik, salinan vaksin Covid-19 dan salinan sijil berhenti sekolah yang diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A' atau Gred 41 ke atas sebanyak (dua) 2 salinan** dan hendaklah dihantar kepada :

Pengarah,
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Johor,
Tingkat 20, Bangunan KWSP,
Jalan Dato' Dalam,
80000 Johor Bahru.
(u.p : Unit Perkhidmatan)

8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 19 SEPTEMBER 2023

9. PANGGILAN TEMUDUGA

- 9.1. Permohonan yang seperti berikut **AKAN DITOLAK** :
tidak lengkap / tidak jelas;
tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
tidak disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan,
tidak ditandatangani.
- 9.2. Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan sahaja yang akan dijemput untuk menghadiri temu duga. Mereka yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya; dan
- 9.3. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah tanggungjawab sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

TARIKH : 05 SEPTEMBER 2023

